



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN SASAR LEBIH BANYAK KRT DIPERKASAKAN SEBAGAI RT PROGRESIF

SRI AMAN, 14 Mac – Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah mengadakan Majlis Pelancaran Kawasan Rukun Tetangga Baharu Sri Aman Tahun 2025 yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bertempat di Dewan Dr Johnical Rayong, Skrang, Engkelili, Sri Aman, Sarawak.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “ketika ini terdapat sebanyak **8,529 KRT telah ditubuhkan di seluruh negara** di mana **91 daripada jumlah** tersebut adalah **merupakan KRT baharu yang ditubuhkan pada tahun 2024** termasuklah **7 KRT baharu yang ditubuhkan di Lubok Antu (Bahagian Sri Aman)**. Secara keseluruhan **di Negeri Sarawak** kini mempunyai **sebanyak 1092 KRT**”.

“Pemeriksaan RT Progresif yang saya telah perkenalkan pada tahun lalu adalah satu inisiatif yang penting kerana projek ekonomi yang dibangunkan oleh KRT Progresif mampu menjana pendapatan komuniti, sekali gus membantu meningkatkan pendapatan isi rumah. **Projek ekonomi bawah KRT Progresif meliputi tiga sektor utama, iaitu pertanian, produk makanan dan perkhidmatan**”, tambah beliau.

Menteri Perpaduan Negara turut menyatakan bahawa pada tahun 2024, **sebanyak 14 buah KRT berjaya dijadikan sebagai KRT Progresif di Negeri Sarawak** serta **peruntukan sejumlah RM 1.6 juta telah disalurkan** bagi menjalankan projek ekonomi komuniti dan lain-lain. Dengan mengambil kira permintaan berterusan masyarakat untuk menubuhkan KRT, maka **pada tahun 2025, Kementerian menyasarkan untuk menubuhkan sebanyak 100 lagi KRT baharu**.

Pada masa yang sama, Menteri Perpaduan Negara juga turut menggesa semua Pengarah Perpaduan Negeri mengambil tindakan proaktif, bekerjasama dengan pelbagai pihak melalui *whole of government approach*, melaksanakan kempen dan sebagainya untuk mengaktifkan KRT-KRT tersebut.

Kementerian Perpaduan Negara

14 Mac 2025

KPN.100-9/1/16 (16)